

Reformasi institusi, perundangan perlu kajian menyeluruh

Kerajaan harus teliti pastikan tindakan dibuat tidak jejas keharmonian

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Reformasi institusi dan undang-undang negara ini memerlukan kajian secara menyeluruh dan bukan dibuat semata-mata berdasarkan keputusan mahkamah, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan perlu meneliti dan

membuat pertimbangan sewajarnya dalam usaha mencari keseimbangan antara kebebasan individu dengan prinsip asas negara demi memastikan reformasi institusi tidak menjejaskan keharmonian.

“Reformasi institusi itu harus dikaji bersama dan ia bukan keputusan mahkamah sahaja. Mahkamah beri pandangan, kita akan menelitinya dan jika selari dengan agenda reformasi, kita (kerajaan) melaksanakannya.

“Namun, ada perkara memerlukan penelitian. Sebagai contoh mengenai kebebasan berhimpun. Kalau berhimpun di istana, ia menimbulkan persoalan kerana Raja-Raja menegaskan ada had tertentu. Jadi kita perlu fikir secara bijaksana,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Forum Undang-Undang ASEAN 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas keputusan Mahkamah Rayuan baru-baru ini yang memutuskan perkataan ‘jelik’ dan ‘menyakitkan hati’ dalam Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (CMA) 1998 sebagai tidak berperlembagaan, yang kini sedang dipertimbang untuk dirayu oleh kerajaan.

Mengulas lanjut, Anwar pada masa sama menegaskan kebebasan bersuara dan berhimpun mesti diimbangi dengan sensitiviti tertentu, termasuk institusi Diraja yang tidak wajar disanggah.



Anwar berucap selepas mersamikan Forum Undang-Undang ASEAN 2025 di KLCC, semalam. (Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

“Kadang kala dalam keghairahan menegakkan kebebasan, ia boleh menyinggung kawasan atau kedudukan yang kita anggap tidak sepatutnya diberi ruang seperti pekarangan istana,” katanya.

AGC failkan rayuan

Dalam pada itu, Jabatan Peguam Negara (AGC) akan memfailkan rayuan di Mahkamah Persekutuan berhubung keputusan Mahkamah Rayuan memutuskan perkataan ‘menghina’ dan ‘menjengkelkan’ dalam Seksyen 233 (1) (a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 tidak berperlembagaan. Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil, dilaporkan berkata peruntukan asal undang undang itu adalah draf diwarisi daripada kerajaan sebelum ini. Sehubungan itu, beliau menegaskan akan meneliti proses rayuan terbabit dan menyerahkan langkah itu kepada AGC.

Terdahulu, ketika berucap pada forum itu, Anwar berkata, kerajaan mempertimbang penu-

bahan Kementerian Undang-Undang bagi memastikan ekosistem perundangan negara lebih tersusun dan bersepadu.

Katanya, langkah berkenaan akan membolehkan Malaysia berperanan lebih bermakna pada peringkat ASEAN dalam memperkukuh kedaulatan undang-undang.

“Malaysia sedang meneliti kaedah terbaik memperkukuh sistem perundangan negara, termasuk cadangan menubuhkan Kementerian Undang-Undang khusus.

“Langkah ini bukan sahaja dapat memastikan keselarasan ekosistem perundangan negara, tetapi juga membolehkan kita terbabit dengan lebih berkesan bersama rakan serantau dalam memperjuang kedaulatan undang-undang.

“Menerusi penyesuaian diri dengan amalan terbaik negara jiran, Malaysia akan lebih bersedia membentuk susunan serantau yang adil dan responsif,” katanya.